

Tidak endah punca denggi meningkat

Program Combi kurang kerjasama masyarakat

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Keengganan masyarakat setempat untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Kementerian Kesihatan menerusi program membanteras nyamuk Aedes menyebabkan kes denggi dan Chikungunya di seluruh negara terus meningkat.

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Hassan Abdul Rahman, berkata kementerian melancarkan program membanteras nyamuk Aedes yang dikenali sebagai Combi (program mengubah sikap) di seluruh negara sejak 2001.

"Ta bermula di Johor, sebelum diperluaskan di seluruh negara, tetapi hanya berkesan di 598 lokaliti dengan

perbabitatan 11,892 sukarelawan.

"Di lokaliti yang menjalankan program ini didapati sebanyak 84 peratus kes jangkitan denggi dapat dikurangkan. Bagaimanapun, lokaliti itu hanya 20 peratus daripada jumlah keseluruhan kes denggi di seluruh negara," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Statistik Kementerian Kesihatan menunjukkan dari 21 Disember hingga 27 Disember tahun lalu didapati sebanyak 1,269 kes demam denggi dicatatkan menjadikan jumlah kes meningkat kepada 48,178 pada tahun berkenaan dengan 108 kematian, berbanding 97 kematian pada 2007.

Bagi Chikungunya, dari 14 Disember hingga 20 Disember tahun lalu, 119 kes dilaporkan menjadikan jumlah kes sepanjang tahun lalu ialah sebanyak 3,984 kes. Daripada

jumlah itu, 119 kes dikesan dari lokaliti yang sama.

Dr Hassan berkata, walaupun pencapaian Combi membanggakan, namun sikap tidak endah sebilangan masyarakat menyebabkan program itu tidak dapat dijalankan secara lebih berkesan di seluruh negara.

Beliau berkata, program Combi dijalankan oleh dua pihak, sama ada kementerian atau PBT yang membatik kerja semburan kabus (fogging), rawatan kepada penduduk yang demam selain peringatan oleh sukarelawan mengenai penjagaan kebersihan.

Program Combi diperkenalkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sejak 2001 membatik aktiviti dalam komuniti bagi mengubah sikap masyarakat dalam menangani penyakit berjangkit.